

TINJAUAN MODEL DAN KURIKULUM TAHFIZ DI NEGERI SELANGOR

***Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa**, *Wan Nasyrudin Wan Abdullah,*
*Sabri Mohamad & Mohd Faizulamri Mohd Saad***

Universiti Kebangsaan Malaysia
*hafizpitas@gmail.com**

ABSTRACT

Tahfiz education is rapidly expanding in Malaysia, particularly in Selangor. However, this education is autonomous and follows a varied style and curriculum depending on the institution. The aim of this study is to identify the development of models and curriculum of tahfiz in Selangor. This study is a qualitative study using a case study design. Data collection through documents obtained from authorized parties and also interviews with relevant experts. The data is analysed descriptively to obtain frequency and percentage. Revenue shows that there are seven models of tahfiz used in Selangor with the highest full-time tahfiz model. There are also a variety of curriculum and methodologies that are not uniform, resulting in uneven educational and evaluation quality. This study can provide solutions to the responsible parties develop a standard curriculum and evaluation for private tahfiz institutes in Selangor.

Keywords: Tahfiz Model, Tahfiz Curriculum, Memorization Method.

ABSTRAK

Pendidikan tahfiz telah berkembang dengan pesat di Malaysia, khususnya di Selangor. Namun pendidikan ini bergerak secara bersendirian dan mempunyai model dan kurikulum yang berbeza mengikut halatuju institusi masing-masing. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perkembangan model-model dan kurikulum tahfiz di Negeri Selangor. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data melalui dokumen-dokumen yang diperolehi daripada pihak berautoriti dan juga temubual dengan pakar-pakar berkaitan. Data kajian pula dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan frekuensi dan peratus. Dapatan menunjukkan terdapat tujuh model tahfiz yang digunakan di Negeri Selangor dengan model tahfiz sepenuh masa yang tertinggi. Terdapat juga pelbagai kurikulum dan kaedah hafazan yang tidak seragam menjadikan kualiti pendidikan dan penilaian tidak setara. Kajian ini dapat memberi solusi kepada pihak berwajib dalam mewujudkan satu standard kurikulum dan penilaian di institusi tahfiz persendirian di Negeri Selangor.

Kata Kunci: Model Tahfiz, Kurikulum Tahfiz, Kaedah Hafazan.

PENGENALAN

Institusi Tahfiz Al-Quran persendirian berkembang sangat pesat sejak dua dekad lalu dengan jumlah keseluruhan pelajar kini 64,577 orang di seluruh Malaysia. Selangor mencatat jumlah terbesar, iaitu 384 buah dengan 21,248 pelajar dan 2,747 guru (Zulkiplie: 2023). Penubuhan pertama Institusi Tahfiz di Selangor adalah di Balai Dakwah, Jeram pada tahun 1981 menggunakan model tahfiz sepenuh masa dengan subjek agama tanpa subjek akademik ketika itu. Manakala Model Tahfiz Sains dimulakan oleh Maahad/ Sekolah Menengah Hafiz Klang pada tahun 1993 bagi melahirkan huffaz profesional dan kemudiannya dikembangkan oleh Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan model Ulul

Albab. Model Tahfiz Dini dimulakan oleh Markaz Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Negeri Selangor (MARTAH) pada tahun 1990 di Masjid Negeri Shah Alam.

Perkembangan ini adalah satu perkara yang baik menjadikan pendidikan tahfiz mempunyai model-model yang berbeza bagi menjurus hala tuju pelajar dengan lebih jelas. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) mempunyai empat model iaitu Tahfiz Dini, Tahfiz Turart, Tahfiz Sains dan Tahfiz Kemahiran yang diperkenalkan sejak 2016 dan diperkembangkan dijadikan tiga model sahaja iaitu Tahfiz Bersepadu, Tahfiz Turart dan Tahfiz Kemahiran atau Tahfiz TVET.

Namun begitu, pendidikan di Malaysia terutamanya di Negeri Selangor ini bergerak secara bersendirian dan mempunyai model dan kurikulum yang berbeza mengikut halatuju institusi masing-masing. Justeru model-model dan kurikulum di institusi-institusi tahfiz ini perlu diperhalusi dengan kurikulum yang setara supaya masa depan pelajar-pelajar tahfiz tidak ketinggalan di samping pengiktirafan dapat diberikan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Melalui kajian ini dapat dikenal pasti pasti perkembangan model-model dan kurikulum tahfiz di Negeri Selangor seterusnya menyediakan solusi kepada pihak berwajib dalam mewujudkan satu standard kurikulum dan penilaian di institusi tahfiz persendirian di Negeri Selangor.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data melalui dokumen-dokumen yang diperolehi daripada pihak berautoriti dan juga temubual dengan pakar-pakar berkaitan. Dunkin dan Biddle (1974) mencadangkan bahawa kajian kualitatif boleh digunakan dalam kajian yang melibatkan penilaian. Kaedah kualitatif dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen juga digunakan dalam kajian ini bagi menyokong kaedah kuantitatif. Instrumen temu bual berkelompok dilaksanakan adalah untuk mendapatkan data kualitatif dan mengandungi lima tema utama. Tema-tema instrumen temu bual dibuat secara berkelompok iaitu tema model-model tahfiz dan tema kurikulum & kaedah hafazan. Data kajian ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan frekuensi, peratus dan huraian terperinci berkaitan model-model tahfiz dan kurikulum di Negeri Selangor.

MODEL-MODEL TAHFIZ

Semua Institusi Tahfiz akan diwajibkan secara berkala melaksanakan salah satu model-model tahfiz ini. Usaha ini bukan sahaja telah mula dilaksanakan di Negeri Selangor mulai tahun 2019 dan akan diwajibkan perlaksanaannya pada tahun 2022. Walaubagaimanapun pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) masih di peringkat akhir bagi keseragaman kurikulum di bawah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) manakala buku teks masih lagi dalam proses pembinaan modul (Minit Mesyuarat Bengkel DPTN 2.0)

Jadual 1: Model Tahfiz

Model Tahfiz	Peratus	Bilangan
Tahfiz sepenuh masa	87.8	202
Tahfiz Dini (Agama)	37.0	85
Tahfiz Integrasi Akademik	22.6	52
Tahfiz Turath (Kitab lama)	14.3	33

Tahfiz Kemahiran	4.8	11
Tahfiz Pemulihan	2.2	5
Tahfiz Sukan	1.7	4

Terdapat beberapa model sekolah-sekolah tahfiz yang beroperasi di Malaysia. Sebagaimana yang tercatat di dalam Jadual (1), antara model-model tahfiz yang digunakan di sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia ialah Tahfiz Sepenuh Masa, Tahfiz Dini (agama), Tahfiz Integrasi Akademik, Tahfiz Turath (kitab lama), Tahfiz Kemahiran, Tahfiz Pemulihan, Tahfiz Sukan dan lain-lain.

Data kajian menunjukkan model Tahfiz Sepenuh Masa merupakan model terbanyak digunakan yang melibatkan 202 (87.8%) buah sekolah. Model ini, sebagaimana yang dijelaskan oleh Setiausaha PITAS Ustaz Zaharuddin Hussin mencatatkan jumlah tertinggi kerana lebih menumpukan sepenuh perhatian kepada hafazan al-Quran. Ditambah pula dengan kos yang agak rendah kerana tidak melibatkan pembayaran yang tinggi kepada guru akademik, murid-murid yang menggunakan model ini lebih mudah menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelaksanaan kurikulum sekolah tahfiz swasta boleh dibahagikan kepada enam model utama iaitu model tahfiz sepenuh masa, model tahfiz integrasi, model tahfiz dini, model tahfiz turath, model tahfiz kemahiran dan model tahfiz sukan. Huraian bagi setiap model tersebut adalah seperti berikut:

Model Tahfiz Sepenuh Masa

Model Tahfiz Sepenuh Masa memberikan tumpuan sepenuhnya kepada hafazan al-Quran. Di samping itu, murid-murid juga mempelajari ilmu-ilmu lain secara asas seperti ilmu tajwid, fardhu ain dan akhlak. Menerusi model ini, murid-murid menghabiskan tujuh hingga lapan jam sehari untuk menghafaz al-Quran. Ini termasuk masa untuk melancarkan bacaan sebelum menghafaz hafazan baru, masa menghafaz hafazan baru, masa untuk mengulang hafazan lama (muraja'ah) dan juga masa untuk tasmik hafazan dengan guru atau rakan. Tempoh untuk menamatkan hafazan menerusi model ini adalah tiga hingga lima tahun bergantung kepada kemampuan murid. Aliran ini bertujuan melahirkan murid-murid tahfiz yang menguasai hafazan al-Quran dengan baik (KPM 2021).

Kebanyakan Institusi Tahfiz yang menggunakan model ini dapat melahirkan pelajar yang berkualiti dalam hafazan dan mampu membaca keseluruhan hafazan 30 juzuk dalam masa sehari ke tiga hari tanpa salah. Kaedah hafazan yang digunakan adalah kaedah *Deobandy* yang memastikan hafazan lama diulang dengan berkala setelah dihafaz.

Perkara ini juga dinilai oleh Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) dan memberikan ganjaran seribu ringgit kepada pelajar yang berjaya dalam majlis konvokesyen. Setakat ini lebih 50 pelajar telah berjaya dalam ujian hafazan syahadah (Zaharuddin 2022).

Walau bagaimanapun, kelemahan model ini adalah pelajar kurang menguasai ilmu agama dan tidak mempunyai asas akademik yang kukuh. Setelah peperiksaan tingkatan 3 (Pt3) dimansuhkan oleh KPM pada tahun 2020 menjadikan ramai ibubapa memilih model tahfiz ini buat anak-anak mereka dan setelah hafazan tamat 30 juzuk barulah pelajar-pelajar akan menyambung dalam bidang akademik mengambil peperiksaan SPM secara laluan pantas (fast track).

Model Tahfiz Integrasi

Model Tahfiz Integrasi melaksanakan pembelajaran hafazan al-Quran dan pembelajaran akademik secara serentak seperti mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Maharat al-Quran dan sebagainya. Silibus pembelajaran dan buku teks yang digunakan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh KPM. Manakala tempoh pembelajaran pula berpandukan kepada Peruntukan Masa Minimum Penjajaran KSSM 2020 sebagaimana yang juga ditetapkan oleh KPM. Tempoh untuk menamatkan hafazan menerusi model ini adalah lima tahun atau bergantung kepada kemampuan murid (KPM 2021).

Model ini juga boleh disebut dengan Model Tahfiz Sains sekiranya pelajar mengambil aliran sains ketika tingkatan empat. Pihak Jakim menamakan model ini dengan Tahfiz Bersepadu yang menggabungkan 3 kurikulum iaitu tahfiz, agama dan akademik (JAKIM 2021). Matlamat dan hala tuju yang jelas melahirkan huffaz profesional dalam pelbagai bidang samada sains, sastera, agama dan lain-lain.

Kelemahan model ini kebanyakan pelajar-pelajar yang melalui model ini hanya menekankan hafazan baru dan kurang masa untuk mengulang hafazan kerana masa pengajian dilebihkan kepada subjek akademik dan agama. Peratus pelajar yang ingat hafazan 30 juzuk amatlah kurang dari 20 peratus samada di sekolah KPM, MRSM mahupun sekolah swasta.

Model Tahfiz Dini

Model Tahfiz Dini menggabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran subjek-subjek agama secara serentak seperti Tafsir al-Quran, Ilmu Hadis, Feqah, Bahasa Arab, Ilmu Tajwid, Sirah Nabi, Akhlak dan sebagainya. Peruntukan masa untuk hafazan al-Quran adalah enam hingga tujuh jam sehari dan masa untuk mempelajari subjek-subjek agama adalah sekitar dua jam sehari. Tempoh untuk menamatkan hafazan menerusi model ini adalah antara tiga hingga lima tahun bergantung kepada kemampuan murid. Aliran ini bertujuan melahirkan murid-murid tahfiz yang menguasai hafazan al-Quran dengan baik di samping penguasaan ilmu agama yang lain (KPM 2021).

Model ini adalah salah satu dari model tahfiz bersepadu aliran agama yang menekankan kurikulum hafazan dan subjek agama seperti Fiqh, Tauhid, Aqidah, Tafsir, Hadith dan Bahasa Arab. Terdapat juga sistem pengajian Alim yang menekankan pembelajaran tujuh tahun menggunakan sistem Deobandi dari India. Kelemahan pengajian ini memerlukan masa yang panjang dan tidak sijilnya tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Manakala Kurikulum Bersepadu Dini yang dikenalkan oleh kerajaan melalui peperiksaan SPM adalah salah satu sijil yang diiktiraf tetapi kelemahannya pelajar kurang menguasai Bahasa Arab.

Model Tahfiz Turath

Model Tahfiz Turath menggabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran subjek-subjek agama menerusi kitab-kitab lama seperti Kitab Sahih al-Bukhari (hadis), Kitab Matan Abi Syujak (feqah), Kitab Matan Jauharat al-Tauhid (akidah) dan Kitab Minhatul Qarib (tasawuf). Peruntukan masa untuk hafazan al-Quran adalah enam hingga tujuh jam sehari dan masa untuk mempelajari subjek-subjek agama adalah sekitar dua jam sehari. Tempoh untuk menamatkan hafazan menerusi model ini adalah antara tiga hingga lima tahun bergantung kepada kemampuan murid (KPM 2021). Kebanyakan Institusi tahfiz persendirian mengasingkan pembelajaran tahfiz tiga tahun baru menyambung pengajian turath.

Model Tahfiz Kemahiran

Model Tahfiz Kemahiran menggabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran ilmu-ilmu kemahiran seperti kemahiran pengurusan, menjahit, bertukang, memasak, automotif,

elektrikal dan sebagainya. Terdapat juga sekolah-sekolah tahfiz yang menjalinkan kerjasama dengan pusat latihan yang diiktiraf seperti GIATMARA, Kolej Komuniti, Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lain-lain lagi. Menerusi model tahfiz ini, murid-murid dilatih dengan kemahiran yang membolehkan mereka terus bekerja selepas berjaya menamatkan hafazan (KPM 2021).

Terdapat beberapa kurikulum yang diiktiraf oleh kerajaan seperti Sijil Kemahiran dan Diploma Pengajaran Tahfiz (tahap 3, 4 dan 5), Sijil Kemahiran dan Diploma Pengurusan Tahfiz (tahap 3, 4 dan 5), Sijil Kemahiran dan Diploma Pengurusan Masjid (tahap 3, 4 dan 5) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran. Sijil ini melayakan pelajar menyambung sarjana muda dalam bidang berkaitan dan pelajar tidak diwajibkan mengambil SPM. Pelajardapat menamatkan hafazan 30 juzuk dan juga layak menerima bantuan pembelajaran secara percuma dibiayai oleh pihak kerajaan.

Model Tahfiz Sukan

Model Tahfiz Sukan menggabungkan antara hafazan al-Quran dengan latihan sukan secara khusus seperti olahraga, bola sepak, badminton, ping pong dan sebagainya. Model ini masih baru dan belum banyak sekolah yang menawarkan model ini. Sekolah tahfiz yang melaksanakan model ini kebiasaannya menerima murid yang berpotensi dalam bidang sukan supaya bakat mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih profesional selain memberi tumpuan kepada hafazan al-Quran. Matlamat model ini adalah untuk melahirkan para penghafaz al-Quran yang sihat dan cergas melalui kegiatan sukan (KPM 2021). Model ini memerlukan kos yang tinggi dari segi kemudahan dan jurulatih pakar.

Model Tahfiz Pemulihan

Model Tahfiz Pemulihan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada hafazan al-Quran di samping memberi fokus kepada pemulihan dan pementapan akhlak murid-murid. Pelaksanaan model ini banyak tertumpu kepada sesi kaunseling dan tazkirah bagi memperbaiki akhlak dan sikap mereka. Murid-murid dilatih untuk memperbanyakkan zikir kepada Allah bagi membersihkan jiwa daripada kesilapan dan masalah yang lalu. Matlamat model ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka yang pernah terlibat dengan masalah akhlak untuk kembali ke pangkal jalan menerusi kaedah hafazan al-Quran (KPM 2021). Model ini menggunakan silibus berbeza mengikut sekolah dari segi kurikulum tetapi mempunyai matlamat yang sama.

KURIKULUM PENGAJIAN TAHFIZ

Terapat juga maahad-maahad tahfiz di Selangor yang menggunakan kurikulum kebangsaan, kurikulum negeri, kurikulum Azhari dan kurikulum kemahiran. Berikut adalah jadual dan penerangan berkaitab taburan kurikulum yang digunakan:

Jadual 2: Kurikulum Kebangsaan

Jenis Kurikulum Kebangsaan	Peratus	Bilangan
KSSM	24.8	57
KBT	20.4	47
KSSR	12.2	28
KBD	7.8	18
Syhadah 'Ulya	7.4	17

STAM	2.6	6
STPM (Aliran Tahfiz)	2.2	5
SKM	1.3	3

Hari ini, masyarakat menyaksikan pelbagai kemajuan dalam sistem sekolah tahfiz di Malaysia. Sebagaimana sekolah-sekolah arus perdana, sekolah-sekolah tahfiz turut menggunakan pakai kurikulum kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Jadual (2) menunjukkan beberapa kurikulum kebangsaan yang digunakan di sekolah-sekolah tahfiz negeri Selangor. Antara kurikulum tertinggi yang diguna pakai ialah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) iaitu sebanyak 57 (24.8%) buah sekolah. Ia diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebanyak 47 (20.4%) buah sekolah.

Pengerusi *Task-Force* Tahfiz Majlis Agama Islam Selangor merangkap Ahli Majlis Tahfiz Negara, Prof. Dr. Halim Tamuri (2020) berpandangan, peperiksaan dan kurikulum kebangsaan yang digunakan di institusi tahfiz dapat memberikan pendidikan yang setara kepada murid-murid tahfiz kerana kurikulum yang digunakan ini diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan ini, murid-murid dapat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan membuka jalan yang lebih luas untuk menceburi pelbagai bidang pilihan mereka.

Jadual 3: Kurikulum Sekolah Agama Negeri

Kurikulum Sekolah Agama Negeri	Peratus	Bilangan
Kurikulum Moderasi Tahfiz Selangor	13.9	32
PSRA	7.0	16
SMATQ (Selangor)	7.0	16
SMA	5.7	13
KAFA Menengah	3.5	8
Lain-lain	1.3	3
SMATD	0.9	2
STU	0.9	2

Sebagaimana yang dijelaskan oleh mudir institusi tahfiz, kebanyakannya menggunakan kurikulum mereka sendiri kerana aras kurikulum yang digunakan oleh kerajaan negeri adalah tinggi. Apatah lagi buku-buku teks yang digunakan adalah di dalam Bahasa Arab. Justeru, kebanyakan sekolah memilih untuk menggunakan kitab jawi atau rumi yang muktabar di institusi mereka. Sebahagian institusi juga lebih cenderung menggunakan kurikulum daripada guru atau pengasas sekolah kerana patuh dan hormat kepada guru mereka. Selain itu, lain-lain kurikulum digunakan kerana pihak kerajaan negeri belum menyelaraskan satu kurikulum yang lengkap untuk digunakan di institusi tahfiz.

Jadual 4: Kurikulum Persendirian

Kurikulum Persendirian	Peratus	Bilangan
'Alim	28.3	65
Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)/ Kemahiran	4.8	11

Berbeza dengan sekolah-sekolah arus perdana, kebanyakan sekolah-sekolah tahfiz menggunakan pakai kurikulum sendiri. Jadual (4) menunjukkan jenis kurikulum persendirian yang digunakan di sekolah tahfiz. Kajian mendapati kurikulum 'Alim adalah yang paling tinggi ditawarkan di sekolah tahfiz dengan mencatatkan bilangan sebanyak 65 (28.3%) buah sekolah.

Hasil temu bual bersama Timbalan Pengerusi PITAS Ust Shahrudin (2020), penggunaan kurikulum 'Alim adalah tinggi kerana sistem ini menekankan pengajian kitab turath secara tradisional sejak 1981 di Balai Dakwah Jeram Kuala Selangor dan pada tahun yang sama di Maahad Tahfiz Kubang Bujuk, Terengganu. Kurikulum ini merupakan kurikulum yang terawal digunakan di institusi tahfiz persendirian di Malaysia. Kebanyakan tenaga pengajarnya waktu itu adalah dari India dan bilangannya berkembang seiring dengan institusi tahfiz sepenuh masa yang dibina berdasarkan kurikulum yang sama.

KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN

Kepelbagaian kaedah hafazan di negara kita Malaysia merupakan satu anugerah dari Allah. Ini disebabkan setiap individu mempunyai kebiasaan yang berbeza dalam menghafaz Al-Quran. Berikut adalah statistik jadual kaedah hafazan yang digunakan oleh institusi tahfiz di Selangor:

Jadual 5: Kaedah Hafazan

Kaedah Hafazan	Peratus	Bilangan
Deobandi	44.8	103
Darul Quran (Model Malaysia)	24.3	56
Al-Huffaz	19.6	45
Lain-lain (sila nyatakan)	7.4	17
Panipati	3.5	8
Turki	2.6	6
Stiffin	2.2	5
Karantina	1.7	4

Lain padang, lain belalang. Begitulah situasi di institusi tahfiz apabila menggunakan pelbagai kaedah hafazan, sesuai dengan penentuan yang telah dibuat oleh pengasas-pengasas institusi tahfiz itu sendiri.

Berdasarkan Jadual (5), terdapat 8 kaedah hafazan yang digunakan di institusi tahfiz di Selangor. Kajian mendapati kaedah hafazan Deobandi antara yang paling banyak digunakan di institusi tahfiz sebanyak 103 (44.8%) buah. Berdasarkan maklum balas daripada Ketua Lajnah Syahadah dan Ithbat PITAS, Ust Sufi Abbas (2021) bahawa kaedah Deobandi adalah kaedah yang

terawal diperkenalkan dalam sistem pendidikan institusi tahfiz persendirian di Malaysia. Maahad Tahfiz Balai Dakwah Jeram adalah perintis maahad tahfiz pertama ditubuhkan di Selangor dengan membawa beberapa maulana dari India dengan teknik ini. Kaedah ini diteruskan oleh lepasan atau alumni tahfiz sekali gus menjadikan ia antara kaedah yang popular. Perkara yang perlu dibaiki adalah sistem denda yang dikenakan oleh guru-guru dari India membawa budaya yang kurang sesuai diamalkan di Malaysia.

Manakala sebanyak 56 (24.3%) buah sekolah menggunakan kaedah hafazan daripada Darul Quran iaitu Model Malaysia diikuti kaedah Al-Huffaz sebanyak 45 (19.6%) buah sekolah. Terdapat juga kaedah hafazan lain yang digunakan di institusi tahfiz dengan melibatkan sebanyak 17 (7.4%) buah institusi. Antara pilihan kaedah yang digunakan ialah kaedah Yaman, Indonesia atau menggunakan kaedah yang dicipta sendiri.

Selain itu, terdapat sebanyak 8 (3.5%) menggunakan kaedah hafazan Panipati dan 6 (2.6%) buah sekolah tahfiz menggunakan kaedah hafazan Turki. Jadual juga menunjukkan kaedah hafazan Stiffin digunakan di 5 (2.2%) buah sekolah dan kaedah hafazan Karantina iaitu sebanyak 4 (1.7%) buah sekolah. Antara sebab kaedah dari Indonesia iaitu Stiffin dan Karantina amat kurang kerana kaedah yang baru dikenalkan dan kaedah ini menekankan hafazan baru ketika menghafaz. Manakala hafazan ulangan akan ditekankan setelah pelajar tamat hafazan 30 juzuk berbanding kaedah yang lain yang menekankan hafazan baru dan ulangan berlaku secara serentak.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti model-model tahfiz yang digunakan di institusi tahfiz di Selangor. Model Tahfiz sepenuh masa paling tinggi digunakan dan perlu ditambah baik supaya hala tuju pelajar lebih jelas dan selari dalam melahirkan modal insan yang seimbang. Model Tahfiz Integrasi adalah contoh model yang bagus meliputi ilmu dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun kaedah hafazan ulangan lama perlu ditambah baik supaya keluaran model ini melahirkan generasi al-Quran yang ingat dan dapat memelihara hafazan sehingga hujung hayat mereka. Juga satu Standard kurikulum dan penilaian pendidikan tahfiz persendirian perlu segera dibangunkan dalam melahirkan generasi Al-Quran Rabbani.

RUJUKAN

- Ab. Halim b. Tamuri (Prof. Dato' Dr), *Kurikulum Tahfiz*, Temu Bual, 16 Januari 2020.
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2021. *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*.
Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kajian Dasar, Pengurusan dan Kurikulum Murid-Murid Tahfiz Malaysia Dalam Sistem Pendidikan Negara*, 2021.
Majlis Agama Islam Selangor. 2013. *Dasar Pengurusan Tahfiz Negeri Selangor*.
Sedek Ariffin, Mustaffa Abdullah, Ishak Suliaman, Khadher Ahmad, Fauzi Deraman, Faisal Ahmad Shah, ... Mohd Roslan Mohd Nor. 2013. *Effective techniques of memorizing the Quran: A study at Madrasah Tahfiz Al-Quran Terengganu, Malaysia*. Middle-East Journal of Scientific Research, 13(1), 45-48.
Sedek Ariffin. 2012. *Kaedah menghafal al-Quran di Institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia: Kajian perbandingan antara kaedah Darul Quran dan kaedah al-Huffaz*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
Shaharuddin b. Abdul Somad, *Model Tahfiz*, Temu Bual, 5 September 2020.
Shaharuddin b. Abdul Somad, *Model Tahfiz Kemahiran*, Temu Bual, 5 September 2020.

Sufi Abbas, *Ithbat Hafazan Al-Quran PITAS*, Temubual, 19 Ogos 2021.

Zaharuddin b. Hussin, *Model Tahfiz Sepenuh Masa*, Temu Bual, 5 Ogos 2020.

Zaharuddin b. Hussin, *Kaedah Hafazan*, Temu Bual, 20 Mei 2021.

Zulkiplie Abd Ghani, Muhammad Khairi Mahyuddin, Suhailiza Md. Hamdani, Khairunneezam Mohd. Noor, Amir Shahrudin, Wan Muhamad Sheikh Abdul Aziz. 2023. *Pengurusan Hal Ehwat Islam Di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.